

Untuk elak kerajaan boleh diugut

Beri kemenangan

BH 19 OCT 1990

besar kepada BN

Oleh GHAFAR ISMAIL

BAGAN DATOH, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya memberi kemenangan besar kepada BN dalam pilihanraya umum ini bagi mengelakkan tertubuhnya kerajaan yang boleh diugut oleh ahli Parlimen.

Bellau berkata, BN boleh membentuk kerajaan dengan kelebihan satu kerusi tetapi jika keadaan seperti itu berlaku, segala tuntutan ahli Parlimen terpaksa dipenuhi kerana mereka boleh mengugut kerajaan dengan pelbagai permintaan.

"dengan kelebihan satu atau dua kerusi, kerajaan terpaksa memenuhi segala tuntutan ahli Parlimen kerana mereka boleh mengancam kita untuk melompat kepada pihak lawan.

"Apabila keadaan seperti itu wujud, ahli Parlimen akan membuat pelbagai tuntutan seperti meminta lesen balam dan permit mengimport kereta (AP), tanpa memperdulikan nasib rakyat," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian kepada kira-kira 4,000 orang di majlis perjumpaan bersama rakyat di Sekolah Menengah Hutan Melintang di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Ramli Ngah Talib; Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk

Seri Rafidah Aziz; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Ng Cheng Kual.

Bellau berkata, BN juga memerlukan kemenangan majoriti melebihi dua pertiga daripada 178 kerusi Parlimen yang dipertandingkan bagi memastikan keadaan itu tidak berlaku, di samping untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang dihormati.

"Dengan majoriti yang sedikit, kerajaan tidak akan dihormati dan ini juga boleh menyebabkan berlakunya rusuhan seperti 1969.

"Pada waktu itu, Perikatan menang dengan majoriti yang kecil menyebabkan Parti Komunis Malaya (PKM) dan DAP berarak di Kuala Lumpur yang kemudiannya menyebabkan berlaku rusuhan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana itu majoriti dua pertiga penting bagi BN untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang kuat bagi menjamin masa depan rakyat di negara ini terus terjamin.

Menurutnya, kerana mempunyai majoriti lebih daripada dua pertiga pada 1986, kerajaan tidak gentar apabila Tengku Razaleigh membawa keluar 12 ahli Parlimen bersamanya untuk menyertai Semangat 46.

Katanya, rakyat perlu terus memberi mandat kepada BN kerana persefahaman dan kerjasama yang diwujudkan sejak 33

tahun lalu, adalah yang tulen di mana segala masalah diselesaikan secara perundingan.

"Kerana semangat bermesyuarah itu jugalah kerajaan dapat mewujudkan keamanan di negara ini yang membolehkan rakyat hidup dengan senang-lenang," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ini berbeza dengan barisan pembangkang di mana DAP tidak dapat menerima negara Islam yang ingin diwujudkan oleh Pas dan kerjasama yang diwujudkan mereka semata-mata untuk bertanding dalam pilihanraya.

Sementara Semangat 46, katanya, menggunakan topeng Islam di Pantai Timur dan topeng sekular di Pantai Barat semata-mata untuk mempengaruhi rakyat.

"Begitu pun mereka tetap bekerjasama untuk memenangi kerusi di mana Pas kali ini memberi 59 kerusi Parlimen kepada Semangat 46 dan dua kepada DAP dan cuma bertanding di 32 kerusi berbanding 93 pada 1986," katanya.

Menurutnya, Pas juga sanggup menggurukan pembentukan negara Islam daripada manifestonya kerana takut kepada timbalan pengerusi DAP, Encik Karpal Singh yang berkata mayatnya perlu dilangkahi sebelum perkara itu menjadi kenyataan.